

# Ekspo R,D&I Negeri Selangor 2019 berjaya himpun 183 peserta

USAHA menghimpunkan 183 peserta R,D&I merupakan salah satu strategi terbaharu pembangunan bagi gugusan Pendidikan dalam bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar di Selangor.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, ia merujuk kepada pemberdayaan kelompok akademik dan warga penyelidik untuk memperoleh akses kepada pembelajaran dan penyelidikan sejajar dengan kehendak industri.

“Saya yakin program ini dimanfaatkan sebagai platform pertandingan dan jaringan kerjasama medan perkongsian maklumat penyelidikan di antara penye-



Amirudin melawat reruai Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selepas merasmikan R,D&I Negeri Selangor 2019 di MITEC, Kuala Lumpur.

lidik luar, universiti awam, swasta dan masyarakat.

“Platform ini merupakan peluang yang sangat

baik untuk menjana idea baharu dan menambah baik kaedah serta hasil penyelidikan berbentuk kre-

atif dan inovatif,” katanya ketika majlis penutup Ekspo R,D&I Ahad lalu.

Beliau berkata, Sela-

ngor menganjurkan program inovasi setiap tahun dan kali ini menggabungkan penyertaan daripada universiti, sekolah dan pihak berkuasa tempatan bagi pameran dan pertandingan penyelidikan.

“Melihat kepada reaksi positif penganjuran ini, kita berharap ekspo ini akan diteruskan pada masa akan datang yang bakal menjadi sumber ekonomi dan memberi manfaat kepada rakyat Selangor,” katanya.

Pada majlis itu, Amirudin menyampaikan lima geran berjumlah RM250,000 kepada peserta yang memenangi pertandingan pameran penyeli-

dikan.

Geran berjumlah RM50,000 bagi setiap kategori itu diberikan mengikut kluster iaitu makanan dan minuman; elektrik dan elektronik; pemesanan dan peralatan; pengangkutan serta sains hayat bagi pembangunan projek penyelidikan.

Penerima geran merupakan penyelidik dari Universiti Malaya (makanan dan minuman, elektrik dan elektronik), Universiti Putra Malaysia (pengangkutan), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) (pemesinan dan peralatan) dan Agensi Nuklear Malaysia (sains hayat).